

# Noktahkan segera peniaga 'rambo' Bazaria Wangsa Maju

HAZIRAH HALIM

KEHADIRAN peniaga haram atau 'rambo' tanpa lesen sah daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilihat semakin berleluasa terutama di sekitar ibu kota.

Bazaria Wangsa Maju yang dahulunya dikenali sebagai Uptown Danau Kota turut menjadi salah satu lokasi tumpuan (hotspot) kegiatan tersebut sehingga menimbulkan pelbagai masalah dalam kalangan penduduk setempat dan menjejaskan perniagaan peniaga berlesen.

Menurut Pengerusi Persatuan Peniaga Berlesen Bazaria Wangsa Maju, **Mohd Ramdzan Ziman**, beberapa aduan dan laporan telah dikemukakan kepada DBKL namun aktiviti tersebut dilihat semakin bertambah dan tidak boleh dikawal terutama sejak bulan Ramadan lalu.

"Semua sedia maklum, tidak hanya pada Ramadan atau Aidilfitri, Bazaria Wangsa Maju ini merupakan salah satu uptown yang sangat terkenal dan menjadi tumpuan pengunjung dari seluruh negara.

"Disebabkan ia jadi tumpuan, maka banyak peniaga haram yang berani berniaga di tepi-tepi jalan sedangkan kami membayar



**KEHADIRAN peniaga 'rambo' menyebabkan kerugian kepada peniaga yang mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh DBKL.**

tapak setiap bulan pada DBKL sebanyak RM216," katanya kepada Wilayahku.

Mohd Ramdzan berkata berdasarkan pemerhatian ahli persatuannya pada tahun ini mendapati aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh peniaga tanpa lesen lebih banyak berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 200 peniaga 'rambo' tidak termasuk 500 peniaga

berlesen di sini.

"Tidak salah untuk berniaga tapi perlulah dengan cara yang betul, kesian kepada para peniaga. Ada kalanya mereka terpaksa menanggung kerugian dan tidak dapat sambutan disebabkan sikap sesetengah peniaga tersebut," katanya.

Katanya, pelbagai tindakan telah diambil oleh persatuan dan DBKL namun peniaga rambo

tersebut masih berani berniaga tanpa kebenaran di kawasan itu.

"Kami berharap DBKL meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga tanpa lesen tersebut sekali gus mengurangkan kebimbangan peniaga berlesen," katanya.

Sebelum ini, beliau bersama ahli persatuannya telah mengadakan sidang media mengenai peniaga berlesen

Bazaria Wangsa Maju yang mendakwa dianaktirikan oleh DBKL.

Dalam pada itu, ditanya mengenai spekulasi pemindahan Bazaria Wangsa Maju ke lokasi baharu, Mohd Ramdzan berkata peniaga dijangka akan berpindah pada penghujung tahun ini.

"Saya difahamkan, lokasi baharu terletak di sebelah kawasan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sekitar kawasan ini juga, namun apabila ditanya kepada peniaga, hampir 80 peratus tidak bersetuju kerana rata-ratanya sudah lama berniaga di lokasi itu sejak belasan tahun dahulu.

"Selain itu, saya juga berharap lokasi baharu ini dapat mengurangkan masalah runtuhan penduduk berhubung isu parkir yang dikatakan mengganggu penduduk serta menghalang laluan.

"Tuntasnya, saya harap DBKL akan membantu kami membuat hebahan promosi secara besar-besaran agar operasi niaga dapat diteruskan seperti biasa sekali gus tidak memberi kesan kepada peniaga terutama dari segi keuntungan dan jualan," katanya. 📌